

Ibu bapa kerap marah, paksa anak hanya memburukkan sikap si kecil

Padah berkasar



SAYA ada dua anak - perempuan berusia enam tahun dan lelaki, empat tahun. Anak sulung aktif, suka bercakap dan cepat mempelajari sesuatu dan tiada masalah dalam pembelajaran, selain gemar mewarna dan sering menang hadiah dalam pertandingan. Bagaimanapun, dia tidak sabar, degil dan tidak mendengar kata. Adiknya pufasuka ikut tindak tanduk kakaknya. Saya kini bekerja sambilan dan anak dijaga oleh nenek dan ayah saya. Balit saja kerja, menuna mengada masalah anak. Saya baca buku dan majalah berkaitan, tetapi tidak banyak membantu. Apa perlu saya lakukan?

-Shree Vali

INFO

Tip didik anak

■ Jika anak sibuk atau asyik bermain, itu bukanlah masa baik untuk menyuruhnya melakukan sesuatu apatah lagi jika anda bercakap tanpa memandangi ke wajahnya dan menerangkan dengan jelas apa yang anda mahu.



Bersama
Dr Mastura Badzis

KEDEGILAN adalah normal bagi kanak-kanak, terutama bawah tujuh tahun. Ciri-ciri kanak-kanak di peringkat ini, semula jadinya sangat aktif dan ada sikap ingin tahu yang tinggi, ingin mencuba sesuatu, meneroka, memegang, menyentuh, menghidu, memulas, menuang, mengasingkan benda, menguji dan sebagainya hingga menampakkan mereka seolah-olah degil tidak mahu menurut kata, bila disuruh atau dilarang melakukan sesuatu.

Sikap degil di peringkat awal usia, sebenarnya bukan suatu perkara membimbangkan kerana sikap egosentrik yang ada dalam dirinya menjadikan mereka berasakan persepsi, pemikiran dan perasaan orang lain adalah sama dengan apa yang difikirkan. Agak sukar mengubah pendirian atau menerima pandangan orang lain, kecuali jika sesuatu dilihatnya itu suatu yang konkrit dan boleh dilihat kesannya secara terus dengan mata kasar.

Kanak-kanak pada peringkat usia ini, biasanya gemar bercakap sendiri dan topik perbualan berkisar mengenai diri mereka sendiri; agak sukar menerima atau membayangkan perspektif orang lain sehinggalah pada masa muda juga dianggap tertumpu pada diri mereka sendiri. Sebagai contoh ketika berjalan pada waktu malam akan mengatakan bulan sentiasa mengekorinya.

Menangani kerenah anak yang pelbagai ini, suatu perkara perlu difahami ibu bapa dan pendidik ialah sesuatu tingkah laku ditunjukkan dipelajari daripada persekitarannya. Kajian saintifik membuktikan kanak-kanak mempelajari dunia

persekitaran mereka melalui deria penglihatan sebanyak 83 peratus; pendengaran (11 peratus); bau (3.5 peratus); sentuhan (1.5 peratus) dan rasa (satu peratus).

Ini membuktikan tingkah laku ditunjukkan kanak-kanak banyak dipelajari daripada pemerhatian dan peniruan tingkah laku ditunjukkan orang yang rapat dengannya atau kanak-kanak lebih berusia daripadanya. Kanak-kanak meniru tingkah laku ditonton di televisyen atau permainan komputer terutama jika dibiarkan menonton bersendirian tanpa dewasa bersamanya untuk berkomunikasi dan memberi panduan.

Ibu bapa sewajarnya realistik mengenai perangai anak. Ibu bapa perlu memahami apakah tingkah laku normal atau semula jadi setiap peringkat perkembangan supaya dapat membezakan antara tingkah laku normal atau bermasalah.

Sebagai contoh, pada peringkat usia tiga hingga lima tahun, kanak-kanak mula belajar mengenai konsep berkongsi dan bila mereka berebut sesuatu barang, kadang-kadang terdengar penggunaan bahasa tidak sedap didengari. Bagi ibu bapa yang memahami peringkat perkembangan anak, mengetahui apa disebut berasakan apa didengar dan tidak semestinya faham apa disebut kerana itu permulaan perkembangan kemahiran bahasa.

Justeru, ibu bapa perlu menjelaskan kepada mereka mengenai maksud perkataan tidak elok disebut tadi sambil menerangkan mengenai perasaan dialami orang lain dan sebagainya. Hakikatnya kanak-kanak boleh memahami peraturan, asalkan ia bersifat konsisten dan mereka juga boleh memahami sebab serta akibat sesuatu perbuatan. Tangani dengan



penuh kasih sayang.

Ibu bapa perlu memahami apakah punca anak degil dan tidak mendengar kata. Mungkin tanpa disedari kita memaksa anak melakukan sesuatu tidak disukainya atau mungkin menyuruhnya melakukan sesuatu dalam situasi anak sedang 'sibuk' dengan aktiviti disukainya.

Cara ibu bapa berkomunikasi dengan anak menyebabkan mereka nampak degil. Kadang-kadang arahan diterima agak mengelirukan kerana arahan tidak jelas atau terlalu banyak arahan dalam satu masa. Tambahan jika ibu bapa menyuruh mereka melakukan atau meninggalkan sesuatu perkara dalam keadaan menjerit dan menengking. Ini akan menjadikan anak mengaitkan apa disuruh dengan



- Elakkan menyuruhnya melakukan banyak perkara dalam satu masa.
- Elakkan menggunakan kekerasan kerana anak akan meniru kekerasan itu.
- Jika menetapkan sesuatu peraturan, sentiasa ikut secara konsisten.
- Jelaskan kepada anak dengan bahasa mudah difahaminya.
- Elakkan mengesakan anak bertalu-talu dan keterlaluan menyuruh siapakan atau lakukan sesuatu perkara.
- Bantu anak memahami dan menyedari apa yang dilakukan, bukan ikut arahan membuta tuli.
- Cuba cari sebab kenapa anak 'buat perangai' sehingga dia seperti 'malas' atau degil.
- Beri peluang kepada anak memperjelaskan kenapa berkelakuan demikian.
- Beri penguatkuasaan rasa yakin kepada diri anak dan ibu bapa sentiasa menyayanginya.

ANDA ada masalah dengan anak? Kongsi masalah bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel bnhita@bharian.com.my atau melalui pos di alamat Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.